

**UCAPAN
YANG MULIA DATO PADUKA
HAJI KIFRAWI BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI
DI UPACARA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
HARI KHAMIS 6 MAC 2003**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Amat Arif, Hakim-Hakim Mahkamah Besar,

Yang Berhormat,

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji
Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji
Awang Ibrahim, Penasihat Khas kepada Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia, Ahli-Ahli Badan Peguam,

Para tetamu,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya amat sukacita dapat berucap sekali lagi kepada Yang Amat
Arif pada upacara seperti ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah

Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sekali lagi hadir pada upacara pagi ini untuk melihat tradisi undang-undang yang amat penting di Negara Brunei Darussalam dan bagi membaharui ikrar kita untuk bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam mendukung kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang.

Yang Amat Arif,

Undang-undang Baru

Pada tahun 2002 beberapa undang-undang baru telah dibuat. Seperti lazimnya saya ingin menyebut beberapa undang-undang baru yang lebih penting.

1. Pindaan kepada Kanun Peraturan Jenayah

- a) Pihak polis kini diberi kuasa untuk menahan orang yang disyaki selama lebih dari 24 jam tetapi tidak melebihi 48 jam. Kuasa baru ini akan membantu pihak polis membuat penyiasatan mereka dalam kes-kes jenayah yang biasanya sangat sukar.

- b) Pindaan tersebut juga membenarkan Pendakwa Raya untuk merayu terhadap keputusan pembebasan oleh Mahkamah Tinggi.

2. Pindaan kepada Akta Lalulintas Jalan Raya

Undang-undang baru membuat banyak perubahan kepada Akta tersebut. Salah satu daripadanya adalah untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan baru kerana menggunakan telefon bimbit semasa memandu sesebuah kenderaan bermotor. Kesalahan ini jika disabitkan kali pertama membawa hukuman denda sebanyak \$1,000 dan hukuman penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pindaan tersebut juga meninggikan hukuman kerana memandu dalam keadaan mabuk atau pengaruh dadah. Kesalahan ini jika disabitkan kali pertama kini membawa hukuman denda sebanyak \$10,000 dan hukuman penjara selama 2 tahun.

Hukuman-hukuman bagi beberapa kesalahan di bawah Akta tersebut telah ditinggikan.

3. Pindaan kepada Akta Ikhtisas Peguam

Pindaan terbaru kepada Akta tersebut membenarkan pihak-pihak dalam sesuatu kes mahkamah sama ada jenayah atau sivil untuk menggunakan khidmat Queen's Counsel (atau dikenali QC). Sesiapa sahaja yang mahukan peguam-peguam terbaik di dunia dan mampu membayar mereka sepatutnya dibenarkan berbuat demikian; jika mereka memikirkan mereka dilindungi dengan lebih baik lagi oleh peguam-peguam tersebut. Saya tidak percaya pindaan ini akan membawa lebih banyak lagi QC masuk ke negara ini. Kebanyakan orang yang kena tuduh atau litigan yang mampu mengambil peguam mungkin lebih suka untuk menggunakan khidmat peguam-peguam tempatan kerana bayaran mereka yang lebih murah daripada QC dan dalam banyak kes peguam-peguam tempatan dapat melindungi kepentingan anak guam mereka.

Yang Amat Arif

4. Perintah Membanteras Pengganasan (Kewangan dan Langkah-Langkah Lain), 2002

Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Negara Brunei Darussalam terikat untuk melaksanakan keputusan tertentu

di bawah Undang-Undang Antarabangsa. Dalam hal ini, saya ingin membawa ke perhatian Yang Amat Arif bahawa di bawah Ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu 1373, Negara Brunei Darussalam telah memperbuat **Perintah Membanteras Pengganasan (Kewangan dan Langkah-Langkah Lain)** pada bulan Jun tahun lalu.

Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk menjadikan satu kesalahan jenayah iaitu pemberian secara langsung atau tidak langsung bantuan kewangan kepada pengganas-pengganas dan juga mengadakan hukuman bagi perbuatan-perbuatan penganas secara olok-olok. Selain itu, Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan seseorang itu atau sesebuah organisasi sebagai pengganas jika dia mempercayai bahawa orang atau organisasi itu mempunyai apa jua kaitan pun dalam sebarang perbuatan pengganas.

5. Usaha Penyemakan Undang-Undang

Seperti lazimnya Jabatan saya terlibat dengan giatnya dalam menyemak Undang-Undang Brunei. Sejak Pembukaan Tahun Undang-Undang pada tahun lepas, beberapa Akta telah disemak

iaitu Akta Imigresen, Akta Hutan, Akta Keterangan, Akta Surat Kuasa Wakil, Akta Rumah Perjudian Terbuka, Akta Perkhidmatan Bomba, Akta Buruh, Akta Agensi Pelaburan Brunei, Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Akta Pendaftaran Kebangsaan, Akta Kawalan Harga, Akta Suratkhbar, Akta Pendaftaran Perkahwinan, Akta Perairan Wilayah Brunei, Akta Barang-Barang Purba dan Harta Karun, Akta Perlombongan Petroleum, Akta Bank, Akta Pencegahan Rasuah, Akta Senjata Api dan Bahan Letupan, Akta Penapisan Filem dan Hiburan Awam, Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Ketenteraman Dalam Negeri.

Yang Amat Arif,

Saya bersetuju dengan ulasan Yang Amat Arif bahawa pindaan kepada Kanun Peraturan Jenayah ini yang membenarkan Pendakwa Raya untuk merayu terhadap keputusan pembebasan oleh Mahkamah Tinggi tidak bermakna bahawa ini akan menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh pihak pendakwa dan semua agensi penguatkuasaan.

Usaha Jabatan saya yang berterusan untuk memperkenalkan undang-undang baru bermaksud untuk mengemaskinikan dan untuk

memastikan bahawa undang-undang kita adalah moden, mencukupi, relevan dan dapat menangani semua masalah dan kehendak negara ini. Dalam membuat undang-undang baru Jabatan saya sememangnya memastikan bahawa undang-undang baru itu, yang biasanya melindungi kepentingan awam, adalah adil. Jabatan saya juga memastikan bahawa undang-undang baru itu mematuhi tanda aras yakni *benchmark* yang betul dengan mengkaji undang-undang negara lain supaya undang-undang kita selaras dengan standard antarabangsa. Memperkenalkan undang-undang baru tidak akan menyelesaikan semua masalah. Kita memerlukan 'orang' untuk menguatkuasakannya. Kita memerlukan 'orang' untuk mendakwa atau membela seseorang yang melanggarnya. Kita memerlukan 'orang' untuk memutuskan supaya keadilan ditegakkan atau dilihat hendak ditegakkan. 'Orang' ini perlu diberi latihan secara berterusan supaya jentera keadilan kita dapat berfungsi dengan cekap.

Yang Amat Arif,

Jentera keadilan kita sama seperti sebuah kereta; pemandu kereta mestilah seorang pemandu yang waras dan cermat. Kita memerlukan sebuah bengkel yang boleh dipercayai sekiranya kereta tersebut memerlukan penyenggaraan. Bengkel tersebut sama

seperti pejabat kita yang menguruskan pentadbiran. Kereta tersebut menghendaki roda yang selamat dan dijajarkan dengan betul dan tidak bertayar botak. Roda sama seperti kelengkapan pejabat kita misalnya komputer peribadi. Sebuah kereta memerlukan minyak yang betul sebaik-baiknya minyak tanpa plumbum yang lebih mahal dari diesel yang mengeluarkan asap hitam dari paip ekzos. Saya fikir minyak ini sama seperti gaji kita. Jika kereta ini mempunyai semua kualiti yang betul dan alatganti yang boleh dipercayai, saya amat yakin kereta ini boleh dipandu dengan selamat dan akan sampai ke destinasi yang merupakan suatu tempat yang dipanggil KEADILAN.

Yang Amat Arif,

Sekali lagi saya perlu mengulangi apa yang telah saya ucapkan sebelum ini untuk mengingatkan kita semua di sini bahawa undang-undang di atas kertas yang paling sempurna adalah tidak berguna melainkan jika undang-undang itu dikuatkuasakan dengan adil, tegas dan berkesan. Seperti lazimnya saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Biro Mencegah Rasuah, Biro

Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan agensi-agensi penguatkuasaan lain kerana usaha dan dedikasi mereka yang tidak putus-putus dalam mendukung undang-undang yang kadang-kadang dalam keadaan yang sukar.

Saya juga secara peribadi menyampaikan penghargaan kepada semua pegawai saya daripada pelbagai Bahagian di dalam Jabatan saya iaitu Keadilan Jenayah, Sivil, Undang-Undang Antarabangsa, Penggubalan Undang-Undang dan Pejabat Pendaftaran kerana usaha mereka dalam menanai tanggungjawab mereka dan melaksanakan mandat kita untuk memelihara dan mendukung kedaulatan undang-undang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Kementerian dan Jabatan terutama sekali Jabatan Perdana Menteri kerana sokongan, bantuan dan kerjasama mereka.

Yang Amat Arif, saya ingin menamatkan ucapan saya ini.

Saya berharap hubungan baik di antara Jabatan saya dan badan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian akan berterusan

pada tahun-tahun akan datang. Kita semua bertanggungjawab untuk mendukung keutuhan Sistem Undang-Undang kita.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan kepada Yang Amat Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini selamat tahun baru dan semoga maju jaya.